

**SASTERA PELANCONGAN DALAM HIMPUNAN CERPEN GALERI MELORA  
SITI ZAINON ISMAIL**

**Mawar Safei**

Program Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia  
mawar.safei@ukm.edu.my

**PENGENALAN**

Sasterawan Negara ke-14, Siti Zainon Ismail merupakan sarjana kesusasteraan, sasterawan dan budayawan yang banyak mengembara, lewat fisik mahupun imajinasinya juga. Salasilah sejak kelahirannya pada 18 Disember 1949, iaitu Melayu-Minang-Batubara, Jawa-Banjar, antara lingkungan rentas geografi yang turut mengemukakan dampak menarik ke atas falsafah “kembara”nya dalam pengkaryaan. Begitu kemudian aneka latarbelakang pendidikannya dari Kuala Lumpur-Kota Bharu lalu ke Jawa-ASRI (Institut Seni Indonesia) sebelum kembali ke tanahair menyertai lapangan keserjanaan. Jelas akan keberagaman letak ranah yang lebar dalam kegiatan yang disertainya, lewat baca puisi, pameran lukisan atau persidangan mancanegara. Maka diperhatikan titik temu sastera dengan siri kembara berkenaan dilihat dalam wilayah “sastera pelancongan” – salah satu belahan kajian pelancongan.

Penyelidik Rita Baleiro & Silvia Quinteiro (2018), merujuk tulisan terdahulu Richard Butler (1986) “Literature as an Influence in Shaping the Image of Tourist Destinations” dan D.C.D. Pocock’s (1992) “Catherine Cookson Country: Tourist Expectation and Experience” sebagai tuntunan awal dalam memahami aturan “sastera pelancongan.” Bahawa hubungan “kesusasteraan” dengan “pelancongan” bukan sahaja melibatkan “ziarah” atau “perjalanan”, ia melangkaui dan memasuki sempadan antara disiplin. Membentangkan hubungan “kesusasteraan” dengan “pelancongan” tersebut akan menyaksikan tafsiran, sumbang saran dan pastinya makna terhadap kesusasteraan yang berbeda. Memuatkan “sastera pelancongan” dalam peta antara disiplin dan kesusasteraan bandingan, seperti dakwaan Jonathan

Hart (2011), ia adalah kaedah yang membina ruang inovatif yang barangkali belum terjangka awalnya.

Maka “sastera pelancongan” dalam lingkungan perbincangan ini memanfaatkan kaedah atau pendekatan yang menawarkan gerak hermeneutik, memberikan tafsiran yang menjembatani antara karya yang dipegang dengan pembaca. Ia mungkin juga dapat menggembeleng pendekatan yang lebih pragmatik dalam mempertimbangkan kaedah analisis statistik, model ekonomi gunaan, wawancara atau analisis kandungan. Begitu juga dengan kaedah praktis akan tafsiran teks yang melibatkan unsur ruang, latar kesasteraan, biografi pengarang, lingkungan budaya-sejarah, sahsiah tempatan dan senibina, malah pastinya geografi (fisik atau kemanusiaan).

Menarik juga dapat dibangunkan jejak, perjalanan, penciptaan watak dan nantinya terhasil sebuah atlas kesasteraan yang membentangkan latar daerah atau negara yang dinyatakan pengarang secara berseni dan berwatak. Ia menjadi sebuah wacana yang bersifat “sebenar”, bukan hanya dapat dijejaki secara fiktif atau kreatif dalam karya.

Rita Baleiro & Silvia Quinteiro (2018) menggagaskan juga beberapa pertimbangan dalam penyelidikan mereka terkait dengan sastera pelancongan, iaitu:

- (a) konsep kesasteraannya (pencerita, watak dan latar);
- (b) konsep pelancongan (destinasi, pengalaman dan pelancong);
- (c) konsep sastera dan pelancongan (pelancong sastera dan latar kesasteraan);
- (d) hasil kesusasteraan dan pengarang (latar geografi, karya sastera dan biografi pengarang).

Tulisan ini merujuk beberapa cerpen Siti Zainon Ismail yang diterbitkan sendiri menerusi Galeri Melora, iaitu kumpulan *Kampung Paya Kami* (1998), *Nyanyian Orang Laut* (2000) dan *Piazza Di Spagna* (2005). Tebakan awalnya, jika ia diterbitkan sendiri, pasti “kuasa” memilih cerpen itu datangnya dari nurani pengarang, tidak melalui jaring penapisan editor dan memang benar-benar mahu dibawa kepada umum seadanya. Masing-masing cerpen mengembara ke benua Australia, Kepulauan Riau dan jauh membelah lajur panjang negara Italia. Tiga lingkungan yang sering mahu dilawati penziarah dunia. Beberapa statistik umum pelancongan

misalnya memperlihatkan kedudukan Itali antara lima negara utama yang didatangi pada tahun 2022 (Statista, 2023; World Atlas, 2023; World Population Review, 2023).


Terdapat latar khas dikemukakan Siti Zainon Ismail yang menarik untuk ditelaah, ia kemudian mewujudkan dialog bersilangan yang aktif khasnya terhubung dengan bagaimana ia dapat menjadi,

- (a) ajakan pembaca untuk mendatangi lokaliti yang dibentangkan,
- (b) memulihara lokaliti berkenaan sebagai warisan, dan
- (c) menganjurkan pembacaan sastera selepas menziarahi lokaliti berkenaan.

Akhirnya daripada latar atau lokaliti khas itu dipersiap ruang kesasteraan sehingga membenarkan hadirnya pertembungan pemikiran pengarang menerusi watak-watak dengan apa yang tersimpan dalam penaakulan pembaca. Barangkali ini yang disebut Jonathan Hart tentang ruang inovatif serta medan antara disiplin yang dapat dijalinkan dengan ragam sastera pelancongan.

## PERBINCANGAN

### Kumpulan Cerpen *Kampung Paya Kami* (1998)



Kumpulan Cerpen *Kampung Paya Kami*

Kumpulan ini mengandungi tiga cerpen, iaitu,


- (a) “Kampung Paya Kami”
- (b) “Jurai Palma”
- (c) “Daun Maple Akhir”

Menerusi cerpen “Kampung Paya Kami”, ia mengheret banyak kesan nostalgia. Sebagai latar dengan nama fiktif, “Kampung Paya” menjadi titik idiosinkrasi Siti Zainon Ismail bukan sahaja dalam penulisan cerpen, namun turut merentas dalam genre puisi seperti menerusi himpunan *Kasih Bonda: Kampung Paya Kami* (DBP, 2008). Ia diterjemahkan sebagai *Bonda’s Love Our Kampung Kami* dalam Bahasa Inggeris dan juga Russia (ITBM, 2010).

Siti Zainon Ismail memulakan cerpen “Kampung Paya Kami” dengan nada pertelingkahan tentang kedudukan Kampung Paya Kami, iaitu:

“Bayangkan sahaja kalau nenek masih hidup. Percayakah dia melihat kampung halamannya tidak kampung lagi. Melihat sungai telah kehilangan fungsi. Mana pohon sukun dengan batangnya yang melebihi dua pemeluk lelaki perkasa. Mana pohon ciku dengan akarnya saling melingkar dan melata ke kepala tangga.”

(Siti Zainon Ismail, 1998: 1)



Rajah 1 Peta Kampung Banda Dalam

(Sumber: Wikipedia)

“Kampung Paya” sudah berubah nama kepada Kampung Bandar Dalam yang bersempadan dengan Kampung Padang Balang (*Kasih Bonda*, 2008: x); ia terletak bersempadan di antara Negeri Selangor dengan Kuala Lumpur (Rajah 1). Dalam kebanyakan penulisan ruang biodata Siti Zainon Ismail ejaan “Bandar Dalam” adalah “Banda Dalam.” Sepertimana dalam buku *Rumah Waris Uwan: Membaca Peta Kuala Lumpur 2020* (2013), Siti Zainon Ismail menyediakan ruang khas untuk menjelaskan nama dan ejaan sebenar “Kampung **Banda** Dalam” dan bukan “Bandar Dalam” pada halaman “Catatan Penulis”,

“Dalam buku ini saya membetulkan ejaan Bandar kepada Banda. Banda dalam bahasa Melayu lama dan Minang-Negeri Sembilan (Bonda) bererti tali air. Banda Dalam bererti tali air yang dalam ketika terjadinya banjir besar oleh limpahan Sungai Gombak ke kampung kami, hingga seperti paya. Inilah kehidupan yang telah dibukukan dalam *Kasih Bonda Kampung Paya Kami* (DBP, 2008). Beberapa nama tempat seperti Banda Hilir di Melaka dan banda Aceh kekal dengan ejaan asal [sic].”

Pembetulan ejaan nama latar ini juga merentangkan kita terhadap perubahan dan pelanggaran yang banyak terjadi terhadap kampung-kampung yang ada di sekeliling ibu kota Kuala Lumpur. Nama-nama seperti Kampung Baru, Kampung Keramat, Kampung Pandan dan termasuk Kampung Banda Dalam, berhadapan dengan rintang pembangunan dan kehalobaan jalanraya dan tanah.

Sempena sambutan ulangtahun Kampun Banda Dalam ke 150 pada 2020, Siti Zainon bersama-sama penduduk kampung merakam Watikah Perisytiharan “Kampung-kampung Tradisi Melayu” sebagai Kampung Warisan Melayu, diwartakan pada 1916 sebagai “Tanah Khas” untuk kediaman orang Melayu. Dalam *Kasih Bonda: Kampung Paya Kami*, Kampung Paya Kami melakar “dunia Melayu” antaranya menerusi tiga lingkungan, iaitu senibina rumah, adat dan ekonomi masyarakat sekitarnya (Siti Zainon Ismail, 2017 dan Azimin Daud, 2017).

Membaca kampung-kampung ini sebagai tapak Warisan Melayu, ia seharusnya dapat dipelihara dan dipertahankan (Siti Zainon Ismail, 2013, 124-12)

untuk menjadi tarikan pelancongan. Pengisian pelancongan di Kuala Lumpur bukan sahaja nanti dengan perhatian kosmopolitannya tetapi turut dengan nilai tradisi dan persekitaran kampung halaman menerusi bacaan bahan kesusasteraan seperti karya Siti Zainon Ismail ini. Peratusan pelancong domestik ke Kuala Lumpur untuk tahun 2022 misalnya antara yang tertinggi iaitu sebanyak 16.9 juta orang (Dagang.news.com, 2023). Daripada para pelancong yang berada di sekitar Kuala Lumpur ini mereka dapat ke kampung-kampung berdekatan untuk melihat suasana dan memperolehi pengalaman.

Watak Aku bercakap tentang kehilangan dan rindu terhadap kenangan “Kampung Paya Kami” menariknya secara bandingan dengan apa yang dialami di latar luar seperti,


“lebih-lebih lagi kerinduan itu terjadi kala aku menyusur lorong-lorong kota jauh di perantauan di negara asing. Melihat jejaran pohon-pohon *mulbury* yang sedang dilanda angin musim luruh dengan batangnya yang hitam pekat, angin yang mendesah sesekali dilibasi renyai-renyai hujan, aku semakin diusik untuk menembusi masa lalu yang tak satu pun surut dari ruang harianku.” (hlm. 3-4)

Kampung Paya Kami banyak digandingkan dengan latar perkampungan mertua Aku di Victoria. Melalui lokaliti Kampung Paya ke Victoria, apa yang disebut dalam sastera pelancongan sebagai jejak kesasteraan (*literary path*). Kedua-duanya ditautkan dengan “peralatan nostalgia” seperti alas meja kait renda nenda di Kampung Paya Kami dengan yang ditemukan di sebuah kedai antik di Victoria. Begitu juga dengan mangkuk kristal Dorothea, ibu mertua Aku dengan yang mirip dititip datuk tiri Haji Mansor di Kampung Paya. Kedua-duanya menjadi penanda kesasteraan (*literary marker*).

Siti Zainon Ismail membawakan wacana kehilangan warisan dalam pembangunan. Menariknya dimanfaatkan secara “nostalgia bandingan” dengan apa yang berlaku di Kuala Lumpur dengan di Australia. Lalu ia diperpanjang perjalanan menjelajah Victoria di Benua Selatan atau Australia. Pertemuan Sumi dengan lelaki taman, Enriquez de Mello, membawa nostalgia Melaka bertembung dengan angkatan perang Portugis. Lalu bagaimana muncul pula nama Alberto de Mello, sahabat Aku yang merupakan kolektor lukisan di Bali, dipercayai adalah anak kepada Enriquez de Mello.

Sekali lagi ada jejak nostalgia; sekali lagi jejak latar dan jejak kesasteraan ini menarik untuk diikuti pembaca cerpen Siti Zainon Ismail. Begitu lewat cerpen “Jurai Palma”, pengarang masih merakam kenangan apa yang ada di tanahairnya. Pernyataan tentang negaranya dicatat lewat “jurai palma”,

“Jurai palma terus merimbaskan titisan hujan. Titisan hujan melayang-layang, meruap ke udara. Udara semakin dingin. Siang mula bertukar wajah. Bayang palma semakin kukuh, kukuh, tetapi masih juga berahsia.... Angin terus menyisir jurai palma kemudian berganti dalam bayangan dan getar lambaian daunan kelapa. Masih adakah persona di pantai Melaka.” (hlm. 38)



Rajah 2 Peta Latar Melbourne dalam *Kampung Paya Kami*

(Sumber: Wikipedia)

Siti Zainon Ismail membayangkan taman (Rajah 2) yang disinggahi Sumi untuk melukis berada di Melbourne, Victoria dengan kedudukannya,

- (a) Pintu C yang kebetulan bertentangan dengan jalan ke St. Kilda. Dengan trem no. 41, setelah melepaskan bangunan stesyen kereta api dan melewati galeri seni... (hlm 21)
- (b) Selepas melewati perhentian trem kedua di dua simpang yang memisahkan St. Kilda dan hujung bangunan galeri seni... (hlm. 22)
- (c) *Temple of the Winds* ini adalah bangunan memorial untuk La Trobe, dia gabenor Victoria pertama yang mengilhamkan taman itu. Tak tahu dari mana pula Si William Guilfiyle itu terilham dengan reka bentuk itu [sic]... (hlm. 31)



Rajah 3 Temple of the Winds di Royal Botanic Garden, Melbourne

(Sumber: Doug Ho)

*Temple of the Winds* (Rajah 3) yang disebut antara dialog Sumi dengan Enriquez, memberikan arah kepada pembaca untuk menjejaki latar cerpen ini. Ia menjadi latar kedua-dua watak berteduh ketika hujan.

“...Dari arah atas bukit telah terlihat bumbung kubah angin. Angin dari arah tasik di bawah semakin menderu dan jaket Sumi semakin berat disimbahi hujan.

Kubah angin. Sumi termengah mencapai kawasan berbukit yang dilengkapi dengan bangunan untuk istirahat pengunjung ke taman. Sungguh seperti ucap lelaki itu. Sumi meneliti atau lebih tepat mempelajari seni bina kubah angin itu. Memang bangunan bertiang sepuluh tinggi ke atas dilingkupiatas berkubah seakan tergantung di puncak tiang. Tetapi dengan rekebentuk kubah Asia Tengah tanpa dinding jelaslah fungsinya seakan wakaf atau sanggar tempat persinggahan pengelana jauh. Kemudian Sumi dijelaskan oleh lelaki itu.” (hlm. 30-31).

Membaca cerpen “Jurai Palma” yang menyebut tentang “kubah angin untuk La Trobe” sebelum tiba di lokaliti berkenaan, mengheret kita untuk masuk menyelip ke setiap jalan yang dilalui Sumi. Sebagai khayalak yang aktif sebelum tiba dan selepas menziarahinya, pembacaan akan terus berlanjutan. Menekuni

tentang siapakah sebenarnya Charles Joseph La Trobe (1801-1875) dalam *Dictionary of Australian Biography* (2023). Misalnya menemukan kita dengan watak wakil gabenor yang mendukung banyak ihwal kebudayaan dan pendidikan di Victoria, malah turut menghasilkan buku kembara seperti *The Alpenstock: Or Sketches of Swiss Scenery and Manners* (1829), *The Pedestrian: A Summer's Ramble in the Tyrol* (1832), *The Rambler in North America* (1835), dan *The Rambler in Mexico* (1836).

Malah ditemukan nama La Trobe University di Melbourne yang menawarkan jurus pengajian termasuk kesusasteraan dengan tersenarai nama Prof Dr Harry Aveling sebagai Profesor Adjung yang banyak meneliti teks sastera Melayu dan Indonesia (Aveling, Harry, 2023). Begitu mungkin bagaimana nanti keluk jalan sastera pelancongan ini menerobos ke ruangan pelancongan pendidikan pula. Begitulah sekali lagi dengung dakwaan Jonathan Hart tentang rupa rentas lapangan yang berlaku antara disiplin dengan sastera bandingan dalam lingkaran sastera pelancongan.

Membaca kumpulan cerpen *Kampung Paya Kami* dengan nama-nama tempat, bagi pembaca karya Siti Zainon, ia mahu sekali dijejaki. Jelas sekali ketiga-tiga cerpen ini digubah saat pengarangnya memang benar-benar berada di tempatnya dengan catatan tarikh seperti berikut,


- (a) “Kampung Paya Kami” – Melbourne-Sydney, September 1994
- (b) “Jurai Palma” – No 1/41, Alice Street, Clayton, Victoria, Australia, September 1995
- (c) “Daun Maple Terakhir” – 41, Wellman Street, Boxhill, Victoria, Mei 1995

Dalam kumpulan cerpen ini, dialog bersilangan yang aktif khasnya terhubung antara latar Malaysia dengan Australia. Jejak kesasteraan ini mahu dikesani pembaca, sebagaimana rancak protagonisnya melompat dan bertukar bas dan trem. Aku, Sumi dan Tifa adalah *visible flâneuse* seperti istilah yang digunakan Nurul Atiqah Amran & Arbaayah Ali Termizi (2020). Awalnya Charles Baudelaire menggunakan istilah *flâneur*, mengarah kepada sang pengembara yang bergerak dan “hanyut” (*dérive, drift*) sepanjang perjalanan yang ditempuh. “Hujan” yang

mencurah barangkali perlambangan juga kepada makna nostalgia, melankoli di setiap singgahan.

Contohnya, ketika Siti Zainon Ismail mengambil latar Box Hill (Community) Arts Centre di Melbourne dalam cerpen “Daun Maple Akhir.” Diperagakan pertembungan Tifa, watak perempuan Melayu Malaysia dengan ahli Kelab Hari Selasa kumpulan tembikar yang terdiri daripada wanita tempatan, iaitu Charlotte, Lilian, Kristine, Martha dan Ingrid. Selaku *flâneuse*, Tifa cuba memahami tentang ruang yang diperlukan wanita dalam rumahtangga; ruang untuk mereka berbahagi kisah setelah terdera sekian hari dengan kerjaya masing-masing. Lalu *flâneuse* ditanggap sebagai *psychogeographer*, penziarah yang banyak menghubungkan fikiran, perilaku serta penaakulan dengan tempat lawatan yang dikunjungi.

### **Antologi *Nyanyian Orang Laut* (2000)**



Kumpulan Cerpen *Nyanyian Orang Laut*

(Sumber: Galeri Melora)

Antologi cerpen ini ditulis bersama-sama A. Rahmad. Tajuk antologi ini dari awal sudah menyatakan latar yang ditampilkan adalah Kepulauan Riau, iaitu *Nyanyian Orang Laut* (*karya Latar Kepulauan Riau*). Dua cerpen A. Rahmad adalah “Puteri Daik Lingga” dan “Mencari Pulau”. Sementara tiga cerpen Siti Zainon Ismail yang disampaikan adalah,

- (a) “Dari Pulau ke Pulau”
- (b) “Nyanyian Orang Laut”
- (c) “Percik Buih Pulau”

Terdapat satu puisi yang diselitkan dengan ketiga-tia cerpen itu, “Kepada Perempuan Laut.”

“Dari Pulau ke Pulau” menemukan watak Dia dengan lelaki keturunan keempat “seniman, pencipta ‘Gurindam Dua Belas’” (hlm. 40). Cepat titik tumpu pengarang dan pembaca terhadap susuk Raja Ali Haji yang dimaksudkan dengan adiknya *Gurindam Dua Belas* yang dikarang pada 1847. Kedudukan karya ini sebagai *Syi'r al-Irsyadi* oleh kerana intinya yang bersifat didaktisisme dan pedoman hidup menuju Negeri Abadi. Ia sarat dengan nilai ilmu dan sahsiah (Kartini Anwar, 2008). Misalnya petikan gurindam fasal pertamanya,


Barang siapa tiada memegang agama,  
sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.  
Barang siapa mengenal yang empat,  
maka ia itulah orang yang ma'rifat.  
Barang siapa mengenal Allah,  
suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.  
Barang siapa mengenal diri,  
maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.  
Barang siapa mengenal dunia,  
tahulah ia barang yang teperdaya.  
Barang siapa mengenal akhirat,  
tahulah ia dunia mudarat.



Rajah 4 Makam Raja Ali Haji di Pulau Penyengat

(Sumber: Dodonulis)

Mengikuti beberapa guntingan dari gurindam ini, dapat mengheret perasaan pembacanya untuk menziarahi ranah Raja Ali Haji iaitu Pulau Penyengat. Berada di hadapan makamnya semakin dapat menakluki keterujaan (Rajah 4). Ada pembacaan yang berjenjang akan menyusul misalnya membaca biografi tokoh, lanjutan tentang *Gurindam Dua Belas* atau karya lain yang masyhur seperti *Syair Sultan Abdul Muluk* (1847), *Tuhfat al Nafis* (1865), *Salasilah Melayu dan Bugis* (1890) (Abdul Halim Ali & Norazimah Zakaria, 2017; Abdul Malik, 2014). Ini memperlihatkan bagaimana dengan menziarahi lokaliti dapat melebar dan memperdalam pembacaan kesusasteraan lainnya; lebih kritis dan masuk ke ruang ruhani juga.



Rajah 5 Peta Pula Penyengat, Kepulauan Riau

(Sumber: Wikipedia)

Begitu dikemukakan Siti Zainon Ismail secara langsung dalam cerpen ini akan Pulau Penyengat (Rajah 5) sebagai “tarikan pelancong” (hlm. 44, 47), namun dengan pergeseran kedatangan “rombongan Tionghua” ke “kebun bunga” di pulau. Ada kekusaran yang dibayangkan pengarang sedang berlaku dengan kedatangan pihak luar di Penyengat.

Kedudukan Pulau Penyengat adalah sebagai sebuah pulau kecil berjarak kurang lebih enam kilometer dari Kota Tanjung Pinang, pusat pemerintahan Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia. Ia berhampiran beberapa pulau lain seperti Batam,

Rempang dan Galang. Ia juga menjadi salah satu tumpuan pelancongan di Kepulauan Riau (Rajah 6) (Citra Satelit Sebaran Cagar Budaya Pulau Penyengat, 2023).



Rajah 6 Peta Pelancongan Pulau Penyengat

(Sumber: Wikipedia)

Situs menariknya yang sering didatangi penziarah adalah Masjid Raya Sultan Riau (dengan kisah pembinaannya daripada putih telur), makam-makam kesultanan atau raja, kompleks Istana Sultan dan benteng pertahanan di Bukit Kursi (Rajah 6). Pulau Penyengat dan kompleks istana di Pulau Penyengat pernah dicalonkan ke UNESCO untuk dijadikan salah satu Tapak Warisan Dunia (Riau Archipelago, 2023). Belahan pelancongan Islami dalam wilayah “pelancongan halal”, menurut Tri Yuniningsih, Ari Subowo, Susi Sulandari (2021), Pulau Penyengat menerajui peratusan kedatangan parawisata.

Sementara dengan kedudukan Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH) di Tanjong Pinang mengambil sempena nama tokoh ulama dan sasterawan Raja Ali Haji. Profesor di UMRAH, Dr Abdul Malik merupakan sarjana yang banyak meneliti dan menulis tentang Raja Ali Haji (Universitas Maritim Raja Ali Haji, 2023). Kesemua ini dapat melanjutkan pemeliharaan Raja Ali Haji sebagai institusi dalam capahan sastera pelancongan yang sekali lagi terpencah kepada banyak lapangan lain seperti sejarah dan juga pendidikan.


Dalam kumpulan cerpen *Nyanyian Orang Laut*, bersimpangan dialog yang rancak khasnya terhubung antara latar mancanegara dengan Riau. Jejak kesasteraan dicerap pembaca, dengan gerak watak-wataknya bergentayangan. Aku, sebagai *flâneuse* bergerak dalam alur *dérive* sepanjang membelah lautan atau kisah langka yang ditempuh. Misalnya, ketika pasangan Ariffee Khan-Margie dalam “Nyanyian Orang Laut” ditampilkan sebagai watak penyelidik yang menekuni tulisan ilmiah L.Y. Andaya, John Nieuhoff tentang Kepulauan Riau. Siti Zainon selayaknya *flâneuse* dengan langgam “nostalgia-bandingan” menghanyutkan penziarah dengan menyilang rentang fikiran, perilaku serta penaakulan dengan tempat yang dilawati. Maka sebagai pembaca kita akan merentasi banyak garis sempadan peta seperti ke Bulang, Tumasik [sic], Palembang, Borobudur dan Jakarta.

Dalam lingkungan psikogeografi, secara lebih khas ditinjau bagaimana Siti Zainon Ismail turut terlibat dalam lekuk dan garis peta tempat dan ruang wilayah naratifnya dengan beberapa penanda kesasteraan. Tulisan Shah Khaidzir, Hashim, and Md Yusof (2021) terhadap puisi Nor Faridah Abdul Manaf, memaparkan situasi “awakening”. Tanggapan pengarang terhadap masa lalu yang berbenturan dengan masa kini, lalu bagaimana ia menjadi perenungan sebagai *flâneur*. Ini yang dilakukan dengan sangat aktif oleh Siti Zainon Ismail lewat cerpen-cerpennya. Ia menjadikan kenyataan Rita Baleiro & Silvia Quinteiro (2018), berikut sangat berpihak iaitu,

“Seemingly distant, literature and tourism are undoubtedly close: they both provide leisure time (Mansfield, 2015: 19), they imply acts of self-discovery and learning, and they offer unforgettable moments. All these have contributed to an increase of literary tourism, which, in turn, has intensified the interest in this interdisciplinary research.”

Lalu membaca kumpulan *Nyanyian Orang Laut*, banyak sebenarnya kita berjalan beriringan dengan pengarang, ada dialog tentang warisan persuratan yang menuntut perenungan. Antaranya tentang apa yang dititip Raja Ali Haji lewat gurindam dan mahakaryanya. Apa yang perlu diselidiki dan dijadikan pegangan.

### Kumpulan Cerpen *Piazza di Spagna* (2005)



Kumpulan Cerpen *Piazza Di Spagna*

Terdapat tiga buah cerpen dalam kumpulan ini, diiringi setiap satunya dengan puisi masing-masing yang terhubung dengan plot dan latar cerpen berkenaan. Tiga watak yang tercantum – Nik, Azalea dan Veera dalam cinta menerusi ketiga-tiga cerpen iaitu,

- (a) “Potret Azalea”
- (b) “Bulan Madu Piazza di Spagna”
- (c) “Konserto Musim Bunga”



Rajah 7: Latar Piazza di Spagna, Roma, Itali  
(Sumber: Wikipedia)

Piazza Di Spagna, latar yang menjadi judul besar kumpulan ini. Ia adalah titik tumpu pelancongan yang masyhur di ibukota Itali, Roma. Latar yang merupakan tangga Sepanyol dengan di aras puncaknya terbangun dua menara. Sementara di datarannya terdapat kolam air pancut bundar berarca, Fontana della Barcaccia daripada ilham Pietro Bernini bersama-sama puteranya, Gian Lorenzo Bernini.

“Potret Azalea” (1986) awalnya sudah mengambil latar Piazza Di Spagna atau “Tangga Sepanyol” (hlm. 6), tempat Nik melakar lukisannya dan mengingat Azalea; Sungai Arno di Florence (hlm. 8), latar pertemuan pertama Nik dan Veera. Menerusi catatan “Sekilas Rasa” Siti Zainon sudah memberikan kita bayangan, cinta yang dihalang keluarga antara Nik dengan Azalea. Nik lalu membawa diri ke Itali sebagai pelukis lalu bertemu Veera. Siti Zainon juga mengaku dalam catatan blognya, cerpen ini dihasilkan sebelum tibanya di Roma, Itali.

Kemudian cerpen kedua, “Bulan Madu Piazza di Spagna” digarap pada April 2000, dalam “Sekilas Rasa” yang ditulis pada 2 Julai 2004, pengarang mengakui,

“Empat belas tahun kemudian, pada tahun 2000, baru saya dapat menjejak bumi impian itu. Saya jelajah Venezia, Firenze sampai ke Roma. Mencari Nik yang sudah terdampar di Napoli. Kubawa kembali Azalea, tiba di musim bunga bercanda di ayunan gondola dan bertemu di tangga Sepanyol – Piazza di Spagna.”

Maka sebagai pembaca kita menyelusuri jejak kesasteraan (Rajah 8) Siti Zainon di Venezia (Venice) latar tempat pengajian Azalea; Firenze (Sungai Arno di Florence) latar pertemuan Nik-Veera, dan Roma latar utama *Piazza Di Spagna*.



Rajah 8 Latar Cerpen Piazza Di Spagna di Itali


(Sumber: Wikipedia)

Siti Zainon Ismail meletakkan lakaran peta bahagian kulit dalam kumpulan ini. Peta La rete Eurostar Italia, merupakan lingkaran perjalanan keretapi laju di Itali. Ada sedikit catatan yang dimuatkan pengarang iaitu tarikh dan masa berada di sesebuah lokaliti. Misalnya ketika tiba di Treviso (agak berhampiran Venezia) catatannya adalah *dari Zurich by train 10 malam-7 pagi (31 Mac-1 April 2000) dengan suami*. Begitulah sikap pengembara, Siti Zainon Ismail sebagai *flâneuse*, meninjau, memerhati, merenung, lalu mencatat atau pasti sahaja juga ada pembacaan yang dilanjut daripada sebelum memulakan kembara. Selepas pulang daripada perjalanan jauh, ada lagi pembacaan yang bersambung, merenung lagi, berselang dengan mencatat, lalu mula digubah karya yang dihimpun sekian panjang ilhamnya yang bergentayangan sepanjang penjelajahan itu. Begitulah tangga-tangga karya kreatif dijejaki; begitu juga gerak jarak kesusasteraan dan pelancongan bergabung, dan perolehannya saat kita memegang kumpulan *Piazza Di Spagna*.

Pengarang membangunkan plot dengan Azalea sebagai pelajar sejarah seni yang menyambung pengajian di Akademia Arsitekturium di Venezia (hlm. 22). Begitu juga watak Nik sebagai pelukis yang banyak mengambil latar Roma sebagai bahan seninya. Kesempatan ini sangat lapang bagi Siti Zainon dengan bebas membawa

dua watak ini hampir ke mana-mana di merata Itali. Dari utara di Venice sampai ke bucu Selatan Napoli. Maka diajak semua pembacanya bertemu dengan banyak hasil kesenian Baroque, memberitahu banyak tentang sejarah senibina Tangga Sepanyol pada 1725 oleh De Santis [sic] (Francesco De Sanctis) dan Spechi [sic] (Alessandro Specchi) (hlm. 20).

Pembaca mengikuti tugas kursus Azalea misalnya untuk menghasilkan lakaran Colosseo, Campidoglio, La Torre de Pisa atau Ponte de Rialto. Ada tarikan untuk kita menelaah lanjut semua latar ini dan ada semberani yang mahu kita mendekat. Menurut statistik (WorldData, 2019) kedatangan pelancong ke Itali antaranya adalah ke tempat-tempat berkenaan. Rome merupakan bandar teratas yang dilawati dengan jumlah pelancong antarabangsa seramai 10.32 juta (Rajah 9). Colosseo atau Colloseum merupakan tumpuan utama (Tripsavvy, 2023).



Rajah 9 Statistik Kedatangan Pelancong ke Itali (2019)


(Sumber: Dream Big, Travel Far, 2023)

Kumpulan cerpen ini mengukuhkan dalil penyelidik terdahulu terhadap kedudukan sastera pelancongan yang membuka banyak pintu kepada lapangan lain. Membaca tiga cerpen berlatar belakang Itali, menawarkan bacaan yang melintangi bukan hanya senibina, lukisan, malah gastronomi, muzik dan perairan.

Tumpuan kajian Silvia Quinteiro (2023) dan Mawar Safei (2021) terhadap sastera pelancongan dengan perairan rata-rata mendapati rencam makna yang


menarik untuk ditelaah. Kedudukan gondola dan terusan dalam *Piazza Di Spagna* misalnya mengalirkan dampak emotif terhadap hubungan jiwa dan kisah cinta Nik dan Azalea. Menurut Silvia Quinteiro lagi,

Water contains multiple layers of meaning. It is associated with purification, the washing away of sins, rebirth. Water is an emblem of flow, fluidity, movement, transition, change. Water refreshes, regenerates, vitalises. Water is life itself! As such, there is no wonder it has been a symbol in the literary works of all times, appearing in a variety of shapes: ocean, sea, river, lake, waterfall, rain and many more. Water itself travels through time and space and is shaped by tangible and intangible heritage, changing landscapes and the ways we see the world.



Rajah 10 Lakaran Gondola di Terusan Venezia 2000 oleh Siti Zainon Ismail

(Sumber: Siti Zainon Ismail, 2005)



Rajah 11 Peta Pergerakan Azalea dari San Marco ke Ponte Rialto

(Sumber: Wikipedia)

Latar Venezia (Venice) lokasi Azalea dan Nik bertemu kembali, pernah dilakar pengarang (hlm. 31) (Rajah 10). Perhentian di jambatan Ponte de Rialto tempat Azalea bergerak dari San Marco membawakan makanan tengahari Nik (hlm. 31) dapat diteliti menerusi peta aliran Terusan Grande (Rajah 11). Sebagai penanda kesasteraan, Terusan Grande dibawa Siti Zainon terus dalam cerpen terakhir kumpulan ini, “Konserto Musim Bunga.” Kita diajak membaca dan mengenal nama “jodoh dan takdir” sejak awal diperkenalkan watak Nik, Azalea dan Veera hingga di titik itu.

## Kesimpulan

Perbincangan ini memberi perhatian terhadap kumpulan cerpen yang diterbitkan Siti Zainon Ismail sendiri di Galeri Melora, miliknya, iaitu *Kampung Paya Kami* (1998), *Nyanyian Orang Laut* (2000) dan *Piazza Di Spagna* (2005). Hampir setiap cerpen

dalam kumpulan/antologi berkenaan, latar, watak dan suasananya agak berkaitan. Ia lebih memihak kepada tulisan log kembara (travelog) apabila perwatakan yang mirip berada di beberapa tempat di negara yang sama. Ia seperti mewakili Siti Zainon Ismail ketika berada di Victoria, Pulau Penyengat mahupun Roma atau Venice.

Lalu dililihat bagaimana cerpen tersebut memenuhi kerangka sastera pelancongan seperti saranan Rita Baleiro & Silvia Quinteiro dengan inti kesasteraannya, memperaga tiap destinasi dan lokaliti yang masyhur dengan kegiatan pelancongan. Berdasarkan fahaman sastera pelancongan yang digariskan itu, Siti Zainon Ismail mengajak sama khalayaknya menjejaki kontur “peta baharu” untuk bertemu dengan watak-watak fiktif, penempatan, jalan, bangunan atau bertemu dengan pengarangnya sendiri.

Diperlihatkan menerusi cerpen Siti Zainon Ismail, bagaimana pembaca menjadi penziarah dalam wilayah sastera pelancongan dan turut memberi dampak khas terhadap turun naik statistik pelancongan. Pembaca mahu berada di setiap nama-nama jalan, bangunan yang disinggahi watak dalam cerpen. Dari Kampung Banda Dalam ke Royal Botanic Garden ke Boxhill lalu ke Pulau Penyengat, sebelum menikmati terusan Grande di atas gondola di Venice. Rentetan untuk memastikan pembaca menjadi penziarah (atau mungkin diulang ziarah), menjadi *flâneuse* seperti Siti Zainon Ismail, tapak pelancongan harus dipulihara terus untuk kelestarian seperti yang dilihat pada Temple of the Winds atau Colloseum. Akhirnya, daripada pengalaman penziarahan itu, karya sastera akan selanjutnya ditelaah dan digeledah dengan lebih tekun dan rasa pertanggungjawaban.

Tulisan ini secara khas meninjau bagaimana Siti Zainon Ismail turut terlibat dalam keluk dan garis peta latar dan ruang wilayah naratifnya dengan beberapa penanda dan jejak kesasteraan. Diperaga semangat pengarang menghargai warisan Kampung Paya dan persuratan Raja Ali Haji dalam fahaman psikogeografi. Lalu dalam penjelajahan antara lokaliti dengan melintasi ruang dan masa itu, pemaknaan yang lebih batiniyah dijalani pengarang dan juga pembaca menerusi lantunan watak-watak sebagai penziarah seperti yang terjadi pada nasib Nik dan Azalea. Benar juga apabila Rumi menyitir, syarat penziarah cinta itu adalah untuk sedia menjadi debu dan abu. Akhirnya, memahami hakikat pengembaraan lewat pembacaan antara himpunan cerita pendek Siti Zainon Ismail ini, menemukan kita dengan banyak jalan

perenungan lain menuju Dia, dan bukan sekadar mencongak hitung pendapatan dan laba.

## Rujukan

- Abdul Halim Ali dan Norazimah Zakaria. 2017. *Seraut Wajah Historiografi Melayu*. Tanjung Malim: Institut Peradaban Melayu UPSI.
- Abdul Malik. 2014. *Kehalusan Budi Memartabatkan Jati Diri: Tinjauan Karya-karya Raja Ali Haji*. Tanjung Pinang: Milaz Grafika.
- Aveling, Harry. 2023. <https://scholars.latrobe.edu.au/hgaveling>
- Azimin Daud. 2017. Imaginasi Citra Budaya Masyarakat dalam *Kasih Bonda Kampung Paya* Kami Satu Pendekatan Studi Budaya. Kertas pembentangan Program Jalinan Kasih Sekolah Aminuddin Baki, 20 April, Dewan Bestari Aminuddin Baki anjuran DBP, Galeri Melora, SMK Aminuddin Baki dan Kelab Alumni SMK Aminuddin Baki.
- Baleiro, Rita & Silvia Quinteiro. 2018. *Key Concepts in Literature and Tourism Studies*. Lisboa: Universidade de Lisboa.
- Butler, Richard (1986). Literature as an influence in shaping the image of tourist destinations. In John S. Marsh (Ed.), *Canadian studies of parks, recreation and tourism in foreign lands* (pp. 111-132). Peterborough, Canada: Trent University.
- Dagang.news.com 2023. <https://www.dagangnews.com/article/perbelanjaan-pelancongan-domestik-melonjak-rm641-bilion-pada-2022-dosm-27762>
- Dream Big, Travel Far. 2023. <https://www.dreambigtravelfarblog.com/blog/rome-travel-tourism-statistics>
- Hart, Jonathan. 2011. *Literature, Theory, History*. New York: Palgrave MacMillan.
- Indonesia.com. 2023. Citra Satelit Sebaran Cagar Budaya Pulau Penyengat. <http://kebudayaan.kemdikbud.go.id/dpk/penyengat-sebagai-pusat-perkembangan-bahasa-melayu-modern/citra-satelit-sebaran-cagar-budaya-pulau-penyengat>
- Kartini Anwar. 2008. Raja Ali Haji: Suatu Kajian Mengenai Pemikiran dan Kepengarangannya. Tesis Sarjana Sastera, NIE, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.
- Mawar Safei, Noordeyana Tambi, Ermy Azziaty Rozali. 2021. Usman Awang dan Sedili: hubungan daripada pelancongan kesusasteraan dunia. *Geografia-Malaysian Journal of Society & Space*, 17 (2): 340-354.
- Mansfield, Charles. 2015. *Researching Literary Tourism*. Plymouth, TKT: Shadows Books & Media.

- Mohd Fadhl Shah Khaidzir, Ruzy Suliza Hashim & Noraini Md. Yusof. 2022. Psychogeographical Experience Between the Self and the Place. *Journal of Nusantara Studies*, Vol 7(1) 243-263.
- Nurul Atiqah Amran & Arbaayah Ali Termizi. 2020. The Visible *Flâneuse* in Chan Ling Yap's Where the Sunrise is Red. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, Vol 26(2): 81-93.
- Pocock, Douglas Charles David. 1992. Catherine Cookson Country: Tourist Expectation and Experience. *Geography*, 77, 236-243.
- Quinteiro, Silvia. 2023. *Lit&Tour International Journal of Literature and Tourism Research*, Special Issue.
- Riau Archipelago. 2023. <https://www.indonesia-tourism.com/riau-archipelago/penyengat-island.html>
- Siti Zainon Ismail. 1998. *Kampung Paya Kami*. Bangi: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2000. *Nyanyian Orang Laut*. Bangi: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2005. *Piazza di Spagna*. Bangi: Galeri Melora.
- Siti Zainon Ismail. 2013. *Rumah Waris Uwan: Membaca Peta Kuala Lumpur 2020*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Siti Zainon Ismail. 2015. *Kasih Bonda: Kampung Paya Kami*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 2016. *Latar Piazza di Spagna*. <http://susasteraszi.blogspot.com/2016/03/latar-piazza-di-spagna.html>
- Siti Zainon Ismail, Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2020. Malay World in *Kampung Paya Kami*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 341-349.
- Statista. 2023. <https://www.statista.com/statistics/261726/countries-ranked-by-number-of-international-tourist-arrivals>
- Tri Yuniningsih, Ari Subowo, Susi Sulandari (2021). Tourism Development on the Island of Penyengat in Indonesia. <https://eudl.eu/pdf/10.4108/eai.14-9-2021.2321405>
- Tripsavvy. 2023. <https://www.tripsavvy.com/best-colosseum-tours-4178072>
- Universitas Maritim Raja Ali Haji. 2023. <https://umrah.ac.id/archives/10024>
- World Atlas. 2023. <https://www.worldatlas.com/articles/10-most-visited-countries-in-the-world.html>

World Population Review. 2023. <https://worldpopulationreview.com/country-rankings/most-visited-countries>